



[Home](#) / [2025](#) / [June](#) / UiTM dan JAS Negeri Sembilan Jayakan Sambutan Hari Bumi 2025 Bersama Komuniti

SDG

19/06/2025 / MOHD IDHAM MOHD YUSOF



SAMBUTAN
HARI BUMI
2025
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

26 APRIL 2025 (SABTU)
7.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
BALAI RAYA KG. DATO' MANSOR, SEREMBAN

OUR POWER, OUR PLANET

SEMUA DIJEMPUT HADIR!!!

HADIAH MENARIK MENANTI ANDA!!!

- Pengumpulan E-Waste
- Pengumpulan Minyak Masak Terpakai
- Pemberian Pokok Percuma
- Pemeriksaan Kesihatan
- Demonstrasi Dron
- Pertandingan Eko-Sukan Rakyat
- Pertandingan Eko Hero Kecil
- Pertandingan *Finger Painting*
- SDG Treasure Hunt

HUBUNGI KAMI UNTUK SEBARANG PERTANYAAN:
UNIT KESEDARAN JAS NS
(06-764 9017) @ (010-2659018)

DENGAN KERJASAMA:

JPKK, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, SPECTRUM OIL, JABATAN ALAM SEKITAR

Seremban, 26 April 2025 – Persatuan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar (BEVA), FSPPP UiTM, dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menganjurkan **Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan 2025** bertemakan “*Our Power, Our Planet*” di Balai Raya Kampung Dato Mansor, Seremban.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **YB Tuan Veerapan A/L Superamaniam**, Ahli Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan. Dalam ucapannya, beliau menyokong usaha sinergi antara agensi kerajaan dan institusi pendidikan tinggi dalam memperkukuh kesedaran alam sekitar secara berterusan.

Antara agensi yang turut terlibat termasuk **Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Spectrum Oil Sdn. Bhd. dan Lak Macros Services Sdn. Bhd..**



BEVA memainkan peranan utama dalam menjayakan pelbagai aktiviti pendidikan lestari seperti **Eco-Robic, Eco-Sukan Rakyat, SDG Treasure Hunt**, serta pertandingan **Eko Hero Kecil**. Aktiviti-aktiviti ini menekankan pendekatan *Education for Sustainable Development (ESD)* secara santai dan berinformasi, menyasarkan penyertaan dari pelbagai lapisan umur.

Presiden BEVA, **Nur Hidayatul Aina A Rahman**, menyatakan bahawa penglibatan ini merupakan kesinambungan kolaborasi BEVA bersama JAS dalam menyemai kesedaran awam terhadap alam sekitar. Program ini juga memberi peluang promosi kepada **Program AM226/236**, di samping menyumbang kepada penanaan dana persatuan dan pencapaian indikator fakulti.



Secara keseluruhan, program ini menyumbang secara langsung kepada enam **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** utama iaitu SDG11, SDG12, SDG13, SDG14, SDG15 dan SDG17, selain menyokong pencapaian penunjuk prestasi fakulti dan universiti (PI028 dan PI029) melalui penglibatan dalam program kesukarelawanan dan kepimpinan.

Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan 2025 ini membuktikan keberkesanan kolaborasi berterusan antara Jabatan Alam Sekitar Negeri dan FSPPP UiTM dalam memperkasakan program pendidikan komuniti yang berteraskan kelestarian alam sekitar.



Tags: [Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi \(FSPPP\)](#),
[Persatuan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar \(BEVA\)](#),
[UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Ibadah Korban @ Aqiqah UCS 2025:
 Hayati Nilai Pengorbanan, Suburkan
Keinsafan

BEVA UiTM Seremban Anjur Alumni
Talk 2025 Tekankan Realiti
Kebolehpasaran Graduan

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

